

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN PENGHIJAUAN MALAYSIA: KOPERASI PRIHATIN SEJUTA POKOK KOPERASI SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN

1. PENGENALAN

- 1.1 **Pertandingan Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan** dianjurkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).
- 1.2 Pertandingan ini dianjurkan untuk mencapai objektif penanaman sejuta pokok oleh gerakan koperasi sempena program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.
- 1.3 Program ini dianjurkan sebagai salah satu komitmen ANGKASA dalam mengintegrasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 dalam dasar dan strategi ANGKASA serta menyokong inisiatif *United Nation (UN) Decade on Ecosystem Restoration 2021-2030*.
- 1.4 Pertandingan ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim selaku pelaksana agenda Penghijauan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta Majlis Amanah Rakyat.

2. TEMPOH PERTANDINGAN

15 Jun 2023 – 15 Oktober 2023

3. SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat penyertaan **Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan** adalah seperti berikut : -

- 3.1 Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada semua anggota koperasi sekolah warganegara Malaysia berusia 13 tahun ke atas.
- 3.2 Koperasi sekolah yang masih belum berdaftar sebagai ahli ANGKASA mestilah melampirkan borang permohonan ahli ANGKASA menerusi emel: sejutapokok.coop@gmail.com
- 3.3 Setiap anggota koperasi sekolah/ para pelajar digalakkan untuk menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok dan seberapa banyak pokok yang menepati definasi pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia di kawasan rumah atau sekolah masing-masing.

3.4 Setiap penyertaan **diwajibkan** direkodkan menerusi:

- I. Aplikasi “Penhijauan Malaysia”
- II. Borang pendaftaran program menerusi *Google Form*:



<https://forms.gle/bF4hBdQuvkqRzWhGA>

3.5 Kos penanaman pokok adalah dibawah tanggungan peserta sendiri.

3.6 Peserta juga bersetuju bahawa melalui penyertaan di dalam pertandingan ini, peserta membenarkan pihak penganjur untuk menggunakan nama, gambar, dan butiran peribadi peserta menurut peruntukan perundangan berkaitan untuk tujuan pentadbiran, pemasaran dan publisiti tanpa sebarang kos atau pampasan.


3.7 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bersetuju dengan kesemua terma dan syarat-syarat pertandingan.

4. FORMAT PERTANDINGAN DAN KAEDAH PENYERTAAN


4.1 Peserta menanam pokok di sekolah atau di rumah. Pokok yang ditanam mestilah mengikut definisi pokok yang layak untuk dipertandingkan sepertimana perkara 6.

NOTA: Pokok yang pernah ditanam 6 bulan sebelum tarikh semasa turut dikira sebaqai penyertaan

4.2 Peserta **diwajibkan** mendaftarkan setiap penanaman pokok menerusi aplikasi “Penhijauan Malaysia” atau laman web : www.100jutapokok.gov.my



Aplikasi Penhijauan Malaysia




Laman web : www.100jutapokok.gov.my

- Daftar penanaman pokok dalam Aplikasi Penghijauan Malaysia atau menerusi laman web : www.100jutapokok.gov.my
- Pendaftaran secara individu. Pelajar bawah 18 tahun boleh daftar menerusi ibu bapa atau guru sekolah atau wakil koperasi sekolah dalam aplikasi ini.
- Untuk penyertaan koperasi, wakil koperasi mestilah mendaftar penyertaan secara individu menerusi aplikasi ini. Penganjur akan menghubungi koperasi sekolah yang menyertai pertandingan ini untuk menjadikan akaun tersebut sebagai akaun koperasi sekolah.




Pendaftaran: www.100jutapokok.gov.my

- Setelah daftar, masukkan informasi pokok yang ditanam iaitu lokasi penanaman, jenis pokok, kuantiti dan gambar pokok yang ditanam.



- Pokok yang ditanam akan disemak dan diluluskan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Rekod penanaman pokok yang telah diluluskan akan dipampangkan seperti berikut:



4.3 Seterusnya, peserta diwajibkan mendaftar menggunakan pautan **google form** berikut untuk rekod ANGKASA.



<https://forms.gle/bF4hBdQuvkgRzWhGA>

5. KRITERIA PENILAIAN

- 5.1 Setiap penyertaan penanaman pokok yang didaftarkan dalam aplikasi Penghijauan Malaysia adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mengikut definisi pokok yang ditetapkan.
- 5.2 Pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh pihak ANGKASA dan akan diumumkan di laman sosial berikut:

Facebook:

@ANGKASACoop

@SejutaPokok

Laman web:

www.sejutapokok.coop

www.angkasa.coop

- 5.3 Keputusan Panel Penilai adalah muktamad dan sebarang bentuk bantahan tidak akan dilayan.

6. DEFINISI POKOK YANG LAYAK UNTUK PENYERTAAN

- 6.1. Definisi pokok di bawah kempen ini adalah meliputi semua jenis pokok yang merupakan tumbuhan berkayu yang mempunyai akar, batang, dahan dan daun.



- 6.2. Contoh pokok **SESUAL** untuk dipertandingkan:

- Pokok hutan darat (Contoh: Pokok Merbau, Meranti)
- Pokok Hutan berpaya (Contoh: Pokok hutan paya gambut)
- Pokok hiasan/ landskap (Contoh: Pokok bucida, frangipani, pokok bunga ros, pokok bunga kertas, pokok bunga raya)
- Pokok buah-buahan (Contoh: Pokok durian, ciku, rambutan, limau, lemon, avocado)

6.3. Pokok yang **TIDAK SESUAI** dipertandingkan:

- Pokok palma (kelapa, kelapa sawit)
- Tanaman kontan (keledek, jagung, ubi kayu, sayur-sayuran)
- Rumput
- Pokok spesis *invasive* / ceroboh (Bukan pokok Malaysia atau pokok memberi kesan buruk kepada habitat asal atau ekologi Malaysia)

6.4. Berikut adalah perbezaan antara pokok yang sesuai dan tidak sesuai untuk dipertandingkan:

SESUAI (✓)	TIDAK SESUAI (X)
Pokok hutan darat (Contoh: Pokok Merbau, Meranti)	Pokok palma (kelapa, kelapa sawit)
Pokok Hutan berpaya (Contoh: Pokok hutan paya gambut)	Tanaman kontan (keledek, jagung, ubi kayu, sayur-sayuran)
Pokok hiasan/ landskap (Contoh: Pokok bucida, frangipani, pokok bunga ros, pokok bunga kertas, pokok bunga raya)	Rumput
Pokok buah-buahan (Contoh: Pokok durian, ciku, rambutan, limau, lemon, avocado)	Pokok spesis <i>invasive</i> / ceroboh (Bukan pokok Malaysia atau pokok memberi kesan buruk kepada habitat asal atau ekologi Malaysia)

7. HADIAH PERTANDINGAN

KATEGORI SEKOLAH – JUMLAH PENANAMAN POKOK TERTINGGI PERINGKAT NEGERI	
Johan	RM1,000 x 14 Negeri
Naib Johan	RM700 x 14 Negeri
Tempat Ketiga	RM500 x 14 Negeri
KATEGORI *SEKOLAH – JUMLAH PENANAMAN POKOK TERTINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN (*Sekurang-kurangnya 1,000 pokok)	
Johan	RM5,000
Naib Johan	RM4,000
Tempat ketiga	RM3,000

KATEGORI PELAJAR- JUMLAH PENANAMAN POKOK TERTINGGI PERINGKAT KEBANGSAAN	
Johan	RM3,000
Naib Johan	RM2,500
Tempat ketiga	RM2,000
Tempat keempat	RM1500
Tempat kelima	RM1,000

Hadiah berupa wang tunai, sijil penyertaan peringkat kebangsaan dan sijil pencapaian akan diberikan kepada semua pemenang. Semua peserta akan menerima sijil penyertaan peringkat kebangsaan.

8. PENGISYTIHARAN PEMENANG

- 8.1. Keputusan panel penilai ANGKASA adalah **MUKTAMAD**. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.
- 8.2. Peserta yang terpilih sebagai pemenang akan dihubungi oleh ANGKASA melalui telefon dan/ atau e-mel dan nama pemenang turut akan diumumkan di laman web rasmi: www.angkasa.coop serta platform media sosial ANGKASA (Facebook/ Twitter: @ANGKASACoop)
- 8.3. Penganjur berhak untuk menarik balik kemenangan sekiranya mendapati pemenang telah didapati memanipulasi atau memberi maklumat diri yang tidak benar.

9. PENAFIAN

- 9.1. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan terhadap kos yang dikeluarkan oleh peserta bagi menyertai pertandingan ini.
- 9.2. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko atau kecederaan atau kemalangan yang dialami oleh peserta semasa menyertai pertandingan ini. Semua aktiviti penanaman pokok adalah di bawah tanggungjawab dan risiko oleh peserta sendiri. Peserta tidak boleh menuntut sebarang ganti rugi atas kerugian atau kemalangan atau kecederaan yang dialami oleh peserta semasa melaksanakan aktiviti ini.

10. TERMA LAIN

- 10.1 Dengan menyertai pertandingan ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan segala keputusan yang dibuat oleh pihak ANGKASA berkaitan dengan pertandingan ini.
- 10.2 Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. ANGKASA berhak menolak/ membatalkan penyertaan yang tidak lengkap atau atau penyertaan yang lewat dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan atau didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini.
- 10.3 ANGKASA berhak dan mempunyai **KUASA MUTLAK** untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini, pada bila-bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlaknyanya. Apa-apa perubahan pada pertandingan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh ANGKASA, tidak terhad kepada pemberitahuan di laman web ANGKASA (www.angkasa.coop) atau platform media sosial ANGKASA (FB/ Twitter: @ANGKASACoop).
- 10.4 Peserta hendaklah menanggung rugi pihak ANGKASA sekiranya terdapat apa-apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap ANGKASA berhubung tuntutan hak cipta atau lain-lain perkara berkaitan dengan penyertaan yang diterima oleh ANGKASA daripada peserta (sekiranya berkenaan).
- 10.5 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak ANGKASA termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web ANGKASA bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA ANGKASA yang dipaparkan di laman web ANGKASA (www.angkasa.coop). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung pertandingan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang Malaysia yang berkaitan.
- 10.6 Pertandingan serta terma dan syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta di bawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 10.7 Sebarang pertanyaan dan soalan boleh dikemukakan terus ke:

Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA

e-mel: sejutapokok.coop@gmail.com

Facebook: [@ANGKASACoop](https://www.facebook.com/ANGKASACoop) atau [@Sejutapokok](https://www.facebook.com/Sejutapokok)

Waktu berurusan / Urus setia pertandingan:

Isnin – Jumaat: 9.00 pagi - 5.00 petang

Sabtu dan Ahad : Tutup

<Tamat>

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA